

**FAKTOR PENENTU PEMILIHAN INSTITUSI  
PENDIDIKAN MENENGAH ISLAM SWASTA  
IKRAM MUSLEH**

**SHHRINIZAM BIN MOHD AMIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2018**

**FAKTOR PENENTU PEMILIHAN INSTITUSI  
PENDIDIKAN MENENGAH ISLAM SWASTA  
IKRAM MUSLEH**

**oleh**

**SHAHRINIZAM BIN MOHD AMIN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Mei 2018**

## **PENGHARGAAN**

Dengan Nama Allah SWT Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Syukur Alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya memberi kemudahan dalam menghasilkan tesis ini. Di samping melimpahkan kesihatan yang baik, masa dan kematangan berfikir untuk menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya tidak berlaku walaupun sekecil perkara dengan tanpa izinNya. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat-sahabat dan para pejuang agama Allah hingga ke akhir zaman.

Penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam membantu menyiapkan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pertamanya, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Fadzila Azni Ahmad, yang sentiasa memberi nasihat, teguran dan kata-kata motivasi sepanjang menyiapkan penulisan ini. Semoga segala jasa baik Dr. Allah akan memberi ganjaran yang sebaiknya, Insyaa Allah.

Kedua, ucapan terima kasih saya ucapkan kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang menerima saya untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat ini. Tidak lupa juga kepada pengasas dan para pensyarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) yang turut memberi nasihat dan tunjuk ajar dan menjadi tempat rujukan saya. Kepakaran para pensyarah di ISDEV banyak membantu saya dalam memperbaiki segala kekurangan dan kelemahan dalam penulisan ini.

Ketiga, kepada Jawatankuasa Pendidikan IKRAM MUSLEH, rangkaian sekolah menengah IKRAM MUSLEH yang terlibat dalam kajian, terutamanya pihak pengurusan sekolah yang bertungkus lumus untuk mengedar dan mengutip kembali borang soal selidik. Begitu juga ibu bapa yang sedia membantu untuk mengisi borang soal selidik. Kerjasama yang diberi memudahkan urusan saya untuk mengumpul data, membuat analisis dan seterusnya menyiapkan kajian ini.

Keempat, kepada semua rakan-rakan seperjuangan di ISDEV yang sering berbincang, bertukar pandangan, berkongsi rasa dan perasaan dalam mengharungi proses penulisan ini. Semoga ukhuwah yang terbina akan kekal hingga ke akhir hayat.

Penghargaan teristimewa kepada ayahanda, Mohd Amin Ahmad, isteri, Noor Ashikin Ab. Muin dan anak-anak, Muhammad Sufyan Naim Shahrinizam, Nurin Sofiyah Shahrinizam, Nawal Sofiyah Shahrinizam dan Nisaa' Sofiyah Shahrinizam yang sanggup berkorban masa, kewangan dan perasaan serta memberi rangsangan untuk meneruskan pengajian dan seterusnya menyiapkan tesis ini. Semoga segala usaha yang dilakukan akan menjadi bekalan kita di dunia dan di akhirat kelak.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	ii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b> .....	iv
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	x
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	xiv
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b> .....	xvi
<b>ABSTRAK</b> .....	xvii
<b>ABSTRACT</b> .....	ix

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan.....	1
1.2	Latar Belakang kajian.....	1
	1.2.1 Latar Belakang Institusi Pendidikan Islam di Malaysia.....	4
	1.2.2 Institusi Pendidikan Awam.....	10
	1.2.3 Institusi Pendidikan Swasta.....	10
	1.2.4 Profil Institusi Pendidikan IKRAM MUSLEH.....	18
1.3	Pernyataan Masalah.....	22
1.4	Objektif Kajian.....	26
1.5	Persoalan Kajian.....	27
1.6	Definisi Operasional Kajian.....	29
	1.6.1 Penentu Pemilihan Institusi Pendidikan.....	29
	1.6.2 Institusi Pendidikan Islam Swasta.....	31

1.7	Skop dan Batasan Kajian.....	32
1.8	Kepentingan Kajian.....	33
1.9	Sumbangan Kajian.....	35
1.10	Organisasi Tesis.....	36
1.11	Rumusan.....	38

## **BAB 2: KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA**

2.1	Pengenalan.....	39
2.2	Kajian Lepas.....	39
2.2.1	Kajian Terhadap Institusi Pendidikan.....	40
2.2.2	Kajian Terhadap Penentu Pemilihan Institusi Pendidikan.....	49
2.2.3	Kajian Terhadap Institusi Pendidikan Swasta.....	53
2.2.4	Kajian Terhadap Institusi Pendidikan Islam Swasta IKRAM MUSLEH.....	54
2.2.5	Analisis Kajian Lepas.....	55
2.3	Sorotan Karya.....	56
2.3.1	Konsep Tingkah Laku Pengguna dalam Membuat Pilihan....	57
2.3.2	Penentu Pemilihan Institusi Pendidikan Islam.....	63
2.3.3	Analisis Sorotan Karya.....	84
2.4	Kerangka Konseptual.....	85
2.5	Rumusan.....	86

### **BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN**

3.1	Pengenalan.....	87
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	87
	3.2.1 Model Kajian.....	89
3.3	Kaedah Pengumpulan Data.....	92
	3.3.1 Kajian Teoretikal.....	92
	3.3.2 Kajian Empirikal.....	94
	3.3.3 Persampelan.....	95
	3.3.3(a) Justifikasi Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH.....	96
	3.3.3(b) Populasi Kajian.....	100
	3.3.3(c) Sampel Kajian.....	101
	3.3.4 Instrumen Kajian.....	106
	3.3.4(a) Soal Selidik.....	107
	3.3.5 Kajian Rintis.....	113
	3.3.5(a) Kesahan Instrumen Pemilihan IPMIS.....	116
	3.3.5(b) Kebolehpercayaan.....	117
	3.3.6 Prosedur Pengumpulan Data Kajian.....	118
3.4	Kaedah Penganalisan Data.....	119
	3.4.1 Kaedah Analisis Kandungan.....	120
	3.4.2 Kaedah Analisis Statistik Deskriptif.....	120
	3.4.3 Kaedah Analisis Statistik Inferens.....	121
3.5	Rumusan.....	126

## **BAB 4: KONSEP DAN DIMENSI PEMILIHAN INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM**

4.1	Pengenalan.....	127
4.2	Konsep Pemilihan Institusi Pendidikan Islam.....	128
4.3	Dimensi Pemilihan Institusi Pendidikan Islam Swasta.....	129
4.4	Rumusan.....	145

## **BAB 5: ANALISIS FAKTOR PEMILIHAN TERHADAP PENENTU PEMILIHAN INSTITUSI PENDIDIKAN MENENGAH IKRAM MUSLEH**

5.1	Pengenalan.....	146
5.2	Maklumat Asas Responden.....	148
5.3	Analisis Terhadap Tahap Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH.....	152
5.4	Analisis Statistik Inferens.....	154
5.4.1	Analisis Kenormalan Taburan Data.....	155
5.4.2	Analisis Perbezaan Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH Mengikut Demografi.....	157
5.4.2(a)	Perbezaan Tahap Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH Berdasarkan Jantina.....	157
5.4.2(b)	Perbezaan Tahap Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH Berdasarkan Umur.....	158
5.4.2(c)	Perbezaan Tahap Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH Berdasarkan Tahap Pendidikan.....	159
5.4.2(d)	Perbezaan Tahap Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH Berdasarkan Pekerjaan.....	160



5.4.2(e)	Perbezaan Tahap Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH Berdasarkan Pendapatan.....	161
5.4.3	Hubungan Antara Konstrak Intrinsik dengan Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH.....	163
5.4.4	Hubungan Antara Konstrak Ekstrinsik dengan Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH.....	164
5.4.5	Analisis Regresi Berganda.....	166
5.4.5(a)	Analisis Dimensi Intrinsik yang Mempengaruhi Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH.....	170
5.4.5(b)	Analisis Dimensi Ekstrinsik yang Mempengaruhi Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH.....	171
5.4.5(c)	Analisis Dimensi Faktor Penentu yang Paling Dominan Mempengaruhi Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH.....	172
5.4.5(d)	Analisis Konstrak Intrinsik dan Ekstrinsik yang Mempengaruhi Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH.....	173
5.5	Rumusan.....	175

## **BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN**

6.1	Pengenalan.....	177
6.2	Hasil Penemuan Utama dan Rumusan Kajian.....	177
6.3	Implikasi Kajian.....	183
6.3.1	Implikasi Kajian Teoretikal.....	183
6.3.2	Implikasi Kajian Empirikal.....	185

6.4	Cadangan Kajian Masa Depan.....	186
6.4.1	Skop Kajian.....	186
6.4.2	Lokasi Kajian.....	187
6.4.3	Sampel Kajian.....	187
6.4.4	Kaedah Kajian.....	188
6.5	Kesimpulan .....	188
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	189
	<b>LAMPIRAN</b>	205

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2015 – 2017	4
Jadual 1.2	Bilangan Sekolah dan Enrolmen Pelajar di Institusi Pendidikan Menengah Bagi Tahun 2014 – 2016	15
Jadual 1.3	Peratus Penambahan atau Pengurangan Bilangan Sekolah dan Enrolmen Pelajar di Institusi Pendidikan Menengah bagi Tahun 2015 – 2016	16
Jadual 1.4	Purata Sebuah Sekolah dengan Enrolmen Pelajar di Institusi Pendidikan Menengah bagi Tahun 2016	17
Jadual 1.5	Sekolah Rendah Islam bawah Kelolaan IKRAM MUSLEH	20
Jadual 1.6	Sekolah Menengah Islah bawah Kelolaan IKRAM MUSLEH	20
Jadual 1.7	Kadar Yuran Empat Buah Sekolah Menengah IKRAM MUSLEH	25
Jadual 1.8	Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian	28
Jadual 2.1	Analisis Kajian Lepas Terhadap Institusi Pendidikan	46
Jadual 2.2	Analisis Kajian Lepas Terhadap Pemilihan Institusi Pendidikan	51
Jadual 2.3	Analisis Kajian Lepas Terhadap Institusi Pendidikan Swasta	53
Jadual 2.4	Analisis Kajian Lepas Terhadap Institusi Pendidikan Islam Swasta IKRAM MUSLEH	55
Jadual 3.1	Konstruk, Dimensi dan Elemen Pemilihan Institusi Pendidikan Islam Swasta	93
Jadual 3.2	Jumlah Populasi Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta IKRAM MUSLEH	101
Jadual 3.3	Justifikasi Pemilihan Sampel Kajian	103
Jadual 3.4	Jumlah Borang Soal Selidik	106
Jadual 3.5	Pernyataan Soal Selidik Faktor Penentu Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta	109

Jadual 3.6	Pembahagian Item Bahagian B Berdasarkan Faktor Penentu Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta	111
Jadual 3.7	Pernyataan Soal Selidik Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta	112
Jadual 3.8	Pembahagian Item Bahagian C Berdasarkan Pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta	112
Jadual 3.9	Interpretasi Skor Min Tahap Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	113
Jadual 3.10	Hasil Ujian Rintis Soal Selidik Setiap Item dengan Analisis <i>Alpha Cronbach</i>	114
Jadual 3.11	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Keseluruhan Item Soal Selidik	116
Jadual 3.12	Senarai Pakar yang Memberi Kesahan Soal Selidik	117
Jadual 3.13	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> dan Kekuatan Perkaitan	118
Jadual 3.14	Julat Skor Min dan Tahap Pencapaian	121
Jadual 3.15	Hubungan Nilai Pekali-Korelasi	122
Jadual 3.16	Hubung Kait Objektif Kajian, Persoalan Kajian, Kaedah Pengumpulan Data dan Penganalisan Data	124
Jadual 4.1	Objektif Kajian (1) dan Persoalan Kajian (i & ii)	127
Jadual 5.1	Objektif Kajian (2 & 3) dan Persoalan Kajian (iii, iv, v, vi, vii, viii & ix)	147
Jadual 5.2	Profil Ibu Bapa Penentu Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	148
Jadual 5.3	Pengkategorian Tahap Penentu Pemilihan Berdasarkan Nilai Skor Min	152
Jadual 5.4	Analisis Deskriptif Nilai Min dan Sisihan Piawai Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	153
Jadual 5.5	Min dan Sisihan Piawai bagi Setiap Item Soal Selidik Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	154
Jadual 5.6	Ujian <i>Kolmogorov-Smirnov</i>	157
Jadual 5.7	Ujian-t Bebas Penentu Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH Berdasarkan Jantina	158

Jadual 5.8	Ujian ANOVA Sehala Penentu Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH Berdasarkan Umur	158
Jadual 5.9	Ujian ANOVA Sehala Penentu Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH Berdasarkan Tahap Pendidikan	159
Jadual 5.10	Ujian ANOVA Sehala Penentu Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH Berdasarkan Pekerjaan	160
Jadual 5.11	<i>Post Hoc Sheffe</i> : Penentu Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH Berdasarkan Tahap Pekerjaan	161
Jadual 5.12	Ujian ANOVA Penentu Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH Berdasarkan Pendapatan	162
Jadual 5.13	Ujian Analisis Korelasi antara Konstrak Intrinsik dengan Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	163
Jadual 5.14	Hubungan antara Konstrak Intrinsik dengan Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	164
Jadual 5.15	Ujian Analisis Korelasi antara Konstrak Ekstrinsik dengan Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	165
Jadual 5.16	Hubungan antara Konstrak Entrinsik dengan Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	166
Jadual 5.17	Nilai <i>Tolerance</i> dan Nilai <i>Variance Inflation Factor</i> (VIF)	167
Jadual 5.18	Nilai <i>Durbin-Watson</i>	168
Jadual 5.19	Nilai Maksimum <i>Mahanalobis' Distance</i>	168
Jadual 5.20	Dimensi Intrinsik yang Mempengaruhi Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	170
Jadual 5.21	Dimensi Entrinsik yang Mempengaruhi Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	171
Jadual 5.22	Dimensi Faktor Penentu yang Paling Dominan Mempengaruhi Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	172
Jadual 5.23	Konstrak Intrinsik dan Ekstrinsik yang Mempengaruhi Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	173

## SENARAI RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Peruntukan Tahunan Bidang Pendidikan	2
Rajah 2.1	Model Pendidikan Islam	76
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Kajian	85
Rajah 3.1	Model Interaksi Ciri-Ciri Demografi dengan Pemilihan IPMIS	90
Rajah 3.2	Model Interaksi Faktor Penentu dengan Pemilihan IPMIS	91
Rajah 3.3	Aliran Tatacara Pengumpulan Data Kajian	119
Rajah 4.1	Model Institusi Pendidikan Islam	144
Rajah 5.1	Histogram Taburan Data bagi Pemboleh Ubah Penentu Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	156
Rajah 5.2	Histogram Taburan Data Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	168
Rajah 5.3	<i>Normal P-P Plot</i> Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	169
Rajah 5.4	<i>Scatterplot</i> Pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH	169

## SENARAI SINGKATAN

AMK	Aqidah Merentasi Kurikulum
IP	Institusi Pendidikan
IPI	Institusi Pendidikan Islam
IPIS	Institusi Pendidikan Islam Swasta
IPMIS	Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta
IPS	Institusi Pendidikan Swasta
JSIT	Jaringan Sekolah Islam Terpadu
KRSMUSLEH	Kadet Remaja Sekolah MUSLEH
MTGIM	Manhaj Tarbiyah Guru IKRAM MUSLEH
MTPIM	Manhaj Tarbiyah Pelajar IKRAM MUSLEH
PERGAS	Persatuan Guru-guru Agama Singapura
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SGPKIM	Syahadah Guru Penolong Kanan IKRAM MUSLEH
SJKIM	Sistem Jaminan Kualiti IKRAM MUSLEH
SKIM	Syahadah Kepengetuaan IKRAM MUSLEH
SMABK	Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
SMAP	Sekolah Menengah Agama Persekutuan
SMAR	Sekolah Menengah Agama Rakyat
SMI	Sekolah Menengah Islam

SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPIIM	Syahadah Perguruan Islam IKRAM MUSLEH
SPISIM	Silibus Pendidikan Ilmu Syariah IKRAM MUSLEH
SPKPIM	Sistem Pentaksiran Konstruk Pelajar IKRAM MUSLEH
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRI	Sekolah Rendah Islam
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



## PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
z/Z	ظ	b	ب
'	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	h/H	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	ه	s	س
'	ء	sy	ش
y	ي	s/S	ص
t	ة	d/D	ض
		t/T	ط

PENDEK	PANJANG	DIFTONG
َ = a	آ = ā/Ā	أَي = ay
ِ = i	إِي = ī/Ī	أَوْ = aw
ُ = u	أُو = ū/Ū	

Sumber: Pedoman transliterasi huruf Arab ke huruf Rumi, Dewan Bahasa Pustaka, 1992

# **FAKTOR PENENTU PEMILIHAN INSTITUSI PENDIDIKAN MENENGAH ISLAM SWASTA IKRAM MUSLEH**

## **ABSTRAK**

Perkembangan Institusi Pendidikan Swasta semakin meningkat terutamanya institusi pendidikan Islam swasta (IPIS). Berdasarkan perangkaan pendidikan Malaysia 2016, terdapat seramai 170,578 orang pelajar yang bersekolah di institusi pendidikan menengah Islam (IPMI) manakala seramai 10,051 orang pelajar (5.9%) adalah dari institusi pendidikan menengah Islam swasta (IPMIS). Fenomena ini menunjukkan bahawa terdapat ibu bapa yang cenderung untuk memilih pendidikan anak-anak mereka ke IPMIS walaupun pihak kerajaan telah membina, menyediakan segala kelengkapan infrastruktur, guru-guru dan pihak pentadbir yang terlatih dengan kurikulum yang lengkap tanpa dikenakan sebarang yuran bulanan. Persoalannya, apakah yang menjadi faktor penentu ibu bapa untuk terus memilih IPIS? Untuk menjawab persoalan ini, kajian ini mempunyai tiga tujuan. Pertama, mengenal pasti penentu pemilihan institusi pendidikan Islam swasta. Kedua Mengukur faktor penentu pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH dan ketiga, Menganalisis hubungan serta pengaruh konstruk intrinsik dan ekstrinsik terhadap pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH. Kajian ini berbentuk kajian penjelasan dan deskriptif dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan dua fasa. Fasa pertama, bertujuan untuk mencapai objektif pertama dan ketiga, data yang diperolehi melalui kajian dokumen dengan menggunakan analisis kandungan. Fasa kedua, bertujuan untuk mencapai objektif kedua, data yang diperolehi melalui kajian tinjauan dan dianalisis dengan analisis deskriptif, inferens dan regresi berganda. Hasil objektif pertama mendapati bahawa konsep pemilihan dalam perspektif Islam adalah

seseorang itu perlu mengenal pasti tujuan dan matlamat terhadap pemilihan sesuatu produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak institusi dengan menggunakan pendekatan *fiqh al-‘awlawiyyāt*. Dalam konteks institusi pendidikan Islam, terdapat lapan dimensi penentu pemilihan iaitu pengetahuan agama, kepatuhan agama, kepuasan ibu bapa, kurikulum, pentadbiran, budaya sekolah, infrastruktur dan keupayaan kewangan. Seterusnya, hasil analisis deskriptif untuk mencapai objektif kedua menunjukkan tahap pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH adalah tinggi ( $M=4.47$ ). Hasil analisis inferens menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana dan signifikan ( $r=0.495$ ,  $p=0.000$ ) antara kontrak intrinsik dengan pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH. Kontrak ekstrinsik pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan. Tiga dimensi mempengaruhi pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH iaitu kepuasan ibu bapa ( $B=0.525$ ) dan kepatuhan agama ( $B=0.138$ ) bagi kontrak intrinsik. Kontrak ekstrinsik pula dimensi kurikulum ( $B=0.576$ ) mempengaruhi pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH. Dimensi kurikulum adalah merupakan dimensi yang paling dominan di antara lapan dimensi pemilihan IPMIS IKRAM MUSLEH. Kajian ini telah berjaya menghasilkan konsep dan dimensi pemilihan IPI berdasarkan perspektif Islam dan menambah dua pemboleh ubah intrinsik dalam bidang pemilihan IPI yang dapat dimanfaatkan oleh pengguna muslim dalam memilih IPI.

**CHOICE DETERMINANTS FACTOR OF IKRAM MUSLEH PRIVATE  
ISLAMIC SECONDARY EDUCATION INSTITUTION**

**ABSTRACT**

The development of Private Education Institutions has been increasing, especially the private Islamic education institution (IPIS). Based on the statistics of Malaysia 2016, there are 170,578 students enrolled in Islamic secondary education institutions (IPMI) while 10,051 students (5.9%) are from private Islamic secondary education institutions (IPMIS). This phenomenon suggests that there are parents who tend to choose their children's education to IPMIS even though the government has been building, providing all infrastructure equipment, teachers and trained administrators with a complete curriculum without any monthly fees. The question is, what is the determining factor of parents to continue choosing IPIS? To answer this question, this study has three objectives. First, identify the determinants of the choice of private educational institutions. Second, measures determining factor selection IPMIS IKRAM MUSLEH and third, to analyze the relationship and the construct of intrinsic and extrinsic influence on the selection of IPMIS IKRAM MUSLEH. This study is a descriptive study using a quantitative approach involving two phases. The first phase, aimed at achieving the first objectives, the data obtained through a document study using content analysis. The second phase, aimed at achieving the second objective, the data obtained through survey and analyzed by descriptive analysis, inference and multiple regression. The first objective results found that the concept of selection in an Islamic perspective is that one must identify the goals and objectives of the selection of a product or service offered using the priority *fiqh al-'awlawiyyāt*. In the context of Islamic educational institutions, there

are eight dimensions of the election determinants namely religious knowledge, religious compliance, parental satisfaction, curriculum, administration, school culture, infrastructure and financial capabilities. Furthermore, the result of descriptive analysis to achieve the second objective shows the level of IPMIS IKRAM MUSLEH selection is high ( $M = 4.47$ ). Inference analysis results show that there is a simple and significant positive relationship ( $r = 0.495$ ,  $p = 0.000$ ) between the intrinsic construct and IPMIS IKRAM MUSLEH selection. Extrinsic construct show that there is a strong and significant positive relationship. Three dimensions affect the selection of IKMAM IKRAM MUSLEH, namely parent satisfaction ( $B = 0.525$ ) and religious obedience ( $B = 0.138$ ) for intrinsic construct. The extrinsic construct also curriculum dimension ( $B = 0.576$ ) affects the selection of IPMIS IKRAM MUSLEH. The curriculum dimension is the most dominant dimension among the eight dimensions of IPMIS IKAM MUSLEH selection. This study has succeeded in generating the concept and dimensions of IPI selection based on Islamic perspective and adding two intrinsic variables in the field of IPI selection which can be utilized by Muslim consumers in choosing IPIS.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**


### **1.0 PENDAHULUAN**

Secara umum, kajian ini bertujuan meneliti faktor penentu yang mempengaruhi pemilihan institusi pendidikan Islam swasta (IPIS). Secara lebih khusus, ia berhasrat mengenal pasti dan menganalisis faktor penentu pemilihan institusi pendidikan menengah Islam swasta (IPMIS) IKRAM MUSLEH di Malaysia. Penganalisan yang dilakukan ini bertujuan untuk merumuskan penentu utama pemilihan terhadap institusi pendidikan Islam (IPI) keseluruhannya. Sebagai bab pengenalan, perbincangan dalam bab ini terdiri daripada latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan organisasi kajian.

### **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pendidikan adalah merupakan usaha terancang dan berterusan untuk meningkatkan potensi diri setiap insan. Ia bertujuan untuk membentuk dan mengembangkan minda, jiwa dan rohani ke arah mengenali diri dan mencapai kehidupan bermasyarakat yang baik dan sempurna (Akhmal Annas Hasmori, Hussin Sarju, Ismail Sabri Norihan Rohana Hamzah & Muhammad Sukri Saud, 2011). Pendidikan juga merupakan jambatan yang membawa pengetahuan, latihan, potensi, minat dan semua elemen kualiti yang ada pada manusia ke suatu dimensi yang lebih dinamik dan progresif

bagi menggerakkan kemajuan sesebuah negara (Zahir Zainuddin, 2006). Oleh itu, pelaburan dalam sistem pendidikan menjadi ukuran penting yang menggambarkan kesungguhan dan komitmen sesebuah kerajaan. Komitmen sesebuah kerajaan antara lain dapat dilihat menerusi peruntukan yang disalurkan untuk bidang pendidikan (Pusat Statistik Pendidikan Kebangsaan [PSPK], Amerika Syarikat, Mei 2017). Rajah 1.1 menunjukkan negara-negara yang memberikan peruntukan tahunan dalam bidang pendidikan. Antara negara yang memberi peruntukan yang tertinggi dalam bidang pendidikan adalah seperti Jepun, Australia, Jerman, Finland, Amerika Syarikat, Kanada, Korea Selatan dan United Kingdom. Peruntukan yang tinggi dalam bidang pendidikan ini adalah bertujuan untuk memajukan sistem pendidikan negara masing-masing terutamanya dalam pembangunan modal insan yang dapat membantu memajukan diri dan negara setanding dengan negara-negara yang lain (PSPK, Amerika Syarikat, 2017).



(Sumber: USC Rossier Online, 2016)

**Rajah 1.1: Peruntukan Tahunan Bidang Pendidikan**

Gary S. Becker, penerima Hadiah Nobel dalam ekonomi pada tahun 1992 menyatakan bahawa faktor utama yang menarik pelaburan asing ialah golongan pekerja yang mempunyai tahap literasi yang tinggi, budaya kerja yang positif dan potensi mendapatkan pengetahuan bagi membentuk kemahiran-kemahiran baru. Beliau juga berpendapat, untuk melahirkan modal insan yang dapat membangunkan sesebuah negara, maka sistem pendidikan yang terbaik perlu disediakan kepada rakyatnya terutama dari sudut pembinaan kurikulum, kemudahan infrastruktur, tahap profesionalisme guru dan pentadbir yang baik serta mewujudkan budaya sekolah yang harmoni. Sistem pendidikan ini juga memainkan peranan yang penting dalam menyumbang pembangunan dan kelestarian tamadun sesebuah negara dan bangsa dengan mengambil kira kepentingan pembangunan mental, fizikal, rohani dan spiritual (Masuriyati Yahya & Che Zarrina Sa'ari, 2015).

Begitu juga Malaysia, kerajaan telah memperuntukkan pelaburan dalam pendidikan sejak negara mencapai kemerdekaan hampir 60 tahun yang lalu. Pada tahun 2012, kerajaan terus menyediakan peruntukan kewangan iaitu sebanyak RM 36 bilion atau 16 peratus daripada jumlah bajet negara kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Peruntukan ini menunjukkan komitmen kerajaan terhadap pendidikan sebagai satu daripada keutamaan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pada 21 Oktober 2016, Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak, merangkap Menteri Kewangan telah membentangkan bajet 2017, dengan memperuntukkan sebanyak RM 260.8 bilion untuk perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 52 bilion digunakan untuk perbelanjaan pembangunan dan RM 215.8 bilion untuk perbelanjaan pengurusan. Jadual 1.1 menunjukkan agihan perbelanjaan



pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut sektor tahun 2015-2017. Perbelanjaan di bawah sektor sosial merupakan komponen kedua terbesar, dianggarkan RM 12,180 juta atau 26.5 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan kerajaan. Peruntukan untuk sub-sektor pendidikan dan latihan, adalah sebanyak RM 5,904 juta atau 12.8 peratus. Peruntukan ini lebih RM 2.03 juta atau 4.2 peratus daripada peruntukan tahun 2016. Ia digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D), biasiswa, menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur di sekolah, pusat latihan kemahiran, kolej komuniti dan universiti. Jumlah ini menunjukkan komitmen yang tinggi oleh pihak kerajaan dalam pembangunan sistem pendidikan di negara (Kementerian Kewangan Malaysia, 2017).

**Jadual 1.1: Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2015 – 2017**

SEKTOR	RM juta			% bahagian		
	2015	2016	2017	2015	2016	2017
Ekonomi	23,286	27,623	25,862	57.1	61.4	56.2
Sosial	11,161	10,812	12,180	27.4	24.0	26.5
<b>Pendidikan &amp; latihan</b>	<b>4,758</b>	<b>3,874</b>	<b>5,904</b>	<b>11.7</b>	<b>8.6</b>	<b>12.8</b>
Perumahan	2,008	2,476	870	4.9	5.5	1.9
Kesihatan	1,442	1,481	1,532	3.5	3.3	3.3
Keselamatan	4,754	5,041	5,286	11.7	11.2	11.5
Pentadbiran am	1,567	1,524	2,671	3.8	3.4	5.8

(Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, 2017)

### 1.2.1 Latar Belakang Institusi Pendidikan Islam di Malaysia

Perkembangan institusi pendidikan Islam (IPI) di Malaysia bermula dengan kemasukan Islam ke Tanah Melayu. Antara institusi pendidikan yang

bertanggungjawab membangun dan memperkembangkan sistem pendidikan Islam adalah melalui institusi istana, pondok, madrasah, sekolah agama Arab, sekolah agama rakyat, sekolah kebangsaan agama, sekolah agama negeri, sekolah agama swasta dan institusi pengajian tinggi. Perkembangan IPI ini boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu pertama sejarah awal pendidikan Islam, kedua, era penjajahan Barat dan ketiga selepas kemerdekaan hingga sekarang.

### **1.2.1 (a) Sejarah Awal Pendidikan Islam**

Sejarah awal pendidikan Islam sebelum kedatangan penjajah Barat boleh dibahagikan kepada tiga tahap perkembangan iaitu pertama, pendidikan Islam bermula di rumah-rumah ustaz atau tuan guru yang mengajar membaca al-Qur'an sebagai pendidikan utamanya. Kedua, pendidikan di surau, masjid atau madrasah yang masih lagi memberi penekanan terhadap pembelajaran al-Qur'an. Terdapat juga tuan-tuan guru ini dijemput ke istana untuk mengajar pengetahuan agama kepada kerabat di raja. Ketiga, pendidikan pondok. Pendidikan ini bersifat tradisional yang memberi penekanan terhadap kurikulum yang berkaitan al-Qur'an, hadith, ilmu tauhid, fiqh, nahu, tasawuf, akhlak, bahasa Arab dan tulisan Jawi. Kebanyakan lepasan pelajar pondok ini akan kembali ke kampung masing-masing untuk membimbing dan mengajar anak-anak di kampungnya sendiri dan terdapat juga pelajar-pelajar tersebut menyambung pelajaran ke Timur Tengah seperti di Mekah (Mohd Nizam Sahad & Che Zarrina Sa'ari, 2011).

### **1.2.1 (b) Era Penjajahan Barat (1511 – 1956)**

Era ini adalah bermula dengan kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka tahun 1511. Dengan kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ini, maka bermulalah zaman kegelapan bangsa Melayu daripada pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, kebudayaan, agama dan juga pendidikan Islam (Budi Haryanto, 2015). Perkembangan IPI telah diambil alih oleh pemerintah Inggeris dengan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah agama dengan syarat sekolah perlu memberikan pelajaran membaca, menulis dan mengira yang akan dilaksanakan pada waktu pagi manakala mata pelajaran agama dan al-Qur'an dilaksanakan pada waktu petang. Pelaksanaan sistem pendidikan ini bertujuan untuk menjauhkan pendidikan Islam dengan cuba menanamkan kefahaman sekularisme<sup>1</sup> dalam kehidupan masyarakat setempat (Abdul Halim Mad Diah, 1989).

Selain daripada itu, menurut Ibrahim Saad (1977) sistem pendidikan ini adalah berfungsi sebagai kawalan terhadap masyarakat agar tidak menentang pemerintah Inggeris. Walau bagaimanapun sistem pendidikan ini tidak mendapat sambutan daripada bangsa Melayu malah tidak berjaya mengubah cara hidup, kebudayaan serta pegangan agama tetapi kesan pengaruh dan fahaman budaya Barat tetap dirasai. (Abdullah Ishak, 1995; Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, 2011).

Rentetan itu, pada penghujung tahun 1905, pihak Inggeris telah menubuhkan Kolej Melayu Kuala Kangsar yang menarik minat bangsa Melayu terutamanya golongan

---

1 Sekularisme adalah satu fahaman yang lahir dari peradaban Barat yang mahu memisahkan urusan kehidupan manusia samada dalam aspek politik, ekonomi, sosial, perundangan, moral dan pendidikan dari sebarang pengaruh agama (Noor Hisham Md Nawi, 2015, ms 13)

bangsawan Melayu untuk mengikuti sistem pendidikan di sekolah tersebut. Pelajar yang tinggal di asrama akan disosialisasikan dengan budaya Inggeris seperti bermain kriket, minum petang, cara berpakaian, cara makan dan cara berinteraksi dengan gaya hidup Barat (Noor Hisham Md Nawi, 2015). Selain daripada Kolej Melayu Kuala Kangsar, pihak Inggeris juga mewujudkan sekolah-sekolah Melayu dan sekolah Inggeris, pelajar-pelajar lepasan daripada sekolah ini akan ditawarkan oleh pihak Inggeris untuk mentadbir negara bagi pihak mereka serta mendapat pekerjaan seperti pegawai, polis dan sebagainya. (Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, 2011).

Bermula tahun 1952, pelajaran agama Islam telah menjadi mata pelajaran yang perlu ada di sekolah bantuan pemerintah. Pernyataan ini dinyatakan pada fasal 70 Ordinan Pelajaran 1952. Pelajaran agama Islam juga mendapat perhatian dalam Laporan Razak 1956, dengan mengusulkan agar sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar Islam tidak kurang daripada 15 orang harus melaksanakan mata pelajaran agama Islam. Usul ini telah diterima oleh kerajaan dan dimasukkan dalam fasal 49, Peraturan Kerajaan tentang pendidikan 1957 (Mohd Hairudin Amin & Kamarul Azmi Jasmi, 2012)

### **1.2.1 (c) Selepas Kemerdekaan hingga sekarang**

Pada tahun 1960, berdasarkan Laporan Rahman Talib, undang-undang pendidikan tahun 1961, mewajibkan sekolah-sekolah bantuan kerajaan menyediakan pendidikan agama Islam. Pada tahun 1962 pula, pihak Kementerian Pendidikan telah menentukan jumlah jam pembelajaran pendidikan agama Islam sebanyak 120 minit

seminggu dan diberi selama sebelas tahun. Segala isu yang berkaitan tentang agama Islam akan dirujuk di bawah pengawasan Yang Di pertuan Agong dan Majlis Raja-raja Melayu.

Untuk memastikan perkembangan pendidikan Islam ini, selain Ordinan Pelajaran 1952, Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960, pihak kerajaan juga telah meluluskan Akta Pelajaran 1961. Akta Pelajaran 1961 dalam seksyen 36 (1) menyatakan bahawa semua murid Islam bukan sahaja mesti mengikuti mata pelajaran pengetahuan agama Islam tetapi hendaklah diwajibkan mengambilnya dalam peperiksaan awam. Di samping itu juga, guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini perlu diberi latihan ikhtisas yang mencukupi (Akta Pelajaran, 1961). Program J-QAF<sup>2</sup> pula telah diperkenalkan dan dilaksanakan pada tahun 2005 yang bertujuan untuk memperkuat penguasaan Jawi, pelajar khatam al-Qur'an di sekolah rendah, mewajibkan pelajaran bahasa Arab dan memantapkan amalan serta penghayatan fardhu ain (Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, 2011).

Di peringkat pengajian tinggi pula terdapat banyak universiti, kolej universiti dan kolej awam atau swasta ditubuhkan bagi menampung permintaan pelajar daripada lepasan sekolah Arab dan agama. Antara institusi yang ditubuhkan ialah seperti Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS),

---

2 J-QAF merupakan singkatan kepada Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardhu 'Ain iaitu satu pendekatan pembelajaran agama di sekolah rendah di Malaysia. Idea pelaksanaan program ini dilontarkan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2004 untuk memperkasakan sistem pengajaran pendidikan Islam di sekolah. Buku Panduan Dasar Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF. Kuala Lumpur: KPM, h. 1.

Universiti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)<sup>3</sup>, Universiti Islam Malaysia (UIM), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan lain-lain. Selain mempunyai bidang pengkhususan keagamaan seperti Syariah, Usuluddin, Dakwah dan sebagainya, institusi ini turut menawarkan pengajian akademik dan profesional seperti perubatan, kejuruteraan, perakaunan, ekonomi, undang-undang dan lain-lain lagi (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Selain institusi pendidikan tinggi Islam yang khusus menawarkan bidang pengajian Islam, terdapat juga universiti awam yang menawarkan bidang pengajian Islam. Antaranya Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Universiti-universiti ini mempunyai fakulti atau jabatan yang khusus yang menawarkan subjek pengajian Islam sebagai kursus major atau minor sepanjang semester pengajian (KPT, 2016).

Perkembangan IPI dari peringkat rendah hingga ke pengajian tinggi menunjukkan bahawa pihak kerajaan memberi penekanan terhadap pembinaan warga yang berilmu, beriman, berakhlak mulia dan jati diri sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran globalisasi. Oleh itu untuk memastikan rakyat Malaysia menjadi warga dunia yang mempunyai minda kelas pertama, pelbagai polisi dan kaedah telah dibangunkan. Antaranya pada September 2012, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (Buku Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

---

3 Universiti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah diisytiharkan oleh Sultan Kedah Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah pada 1 Safar 1439H / 21 Oktober 2017, Sabtu, semasa majlis Istiadat Pemasyharan Canselor dan Konvokesyen ke 19. Sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Insaniah (KUIN).

2013–2015). Pihak kementerian juga memberi peluang kepada pihak swasta untuk menubuhkan institusi pendidikan dengan syarat pihak swasta perlulah memenuhi dasar dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian (Akta Pendidikan 1996). Hal ini menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan begitu menitikberatkan perkembangan pendidikan di Malaysia dengan tujuan untuk mencapai hasrat yang telah ditetapkan terhadap rakyatnya.

### **1.2.2 Institusi Pendidikan Awam.**

Pendidikan di Malaysia boleh dibahagikan kepada lima tahap iaitu pendidikan pra sekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan lepas menengah dan terakhir pendidikan tinggi. Pendidikan menengah terdiri daripada pendidikan menengah rendah iaitu 13 hingga 15 tahun dan pendidikan menengah atas iaitu 16 hingga 17 tahun. Kebiasaannya kawalan dan pembiayaan institusi pendidikan ini dilaksanakan oleh pihak KPM. Antara institusi pendidikan awam yang dikawal selia, ditadbir dan dibiayai oleh kerajaan ialah Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi, Sekolah Menengah Kluster Kecemerlangan, Sekolah Menengah Sains, Maktab Rendah Sains Mara, Sekolah Teknik dan Vokasional, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Menengah Agama Negeri, Sekolah Sukan Malaysia dan Sekolah Seni Malaysia (KPM, 2016).

### **1.2.3 Institusi Pendidikan Swasta**

Di samping institusi pendidikan awam yang ditadbir oleh kerajaan, terdapat juga institusi pendidikan swasta (IPS). IPS di Malaysia bermula sejak 1950an, terutama sebagai laluan kepada pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian di sekolah-sekolah kerajaan bagi memperolehi sijil-sijil asas mereka. Perkembangan IPS semakin meningkat sejak kedatangan penjajah dengan penubuhan sekolah mubaligh kristian, sekolah Cina dan sekolah India. Pada peringkat awal, penubuhan IPS ini amat mudah sehingga tiada pihak yang mengawal dan menyelia kewujudannya. Setelah negara mencapai kemerdekaan, pada tahun 1961, pihak kerajaan telah mewartakan Akta Pelajaran 1961 pada seksyen 44, menjelaskan bahawa IPS perlu mendaftar dan akan dikawal selia oleh Jabatan Pendidikan Swasta (JPS) KPM (KPM, 1998).

Pada awal 1970an terdapat anjakan terhadap peranan dan fungsi sistem pendidikan swasta di mana pengusaha pendidikan swasta mula mementingkan kursus-kursus pra universiti. Penubuhan, pengurusan dan pengoperasian institusi pendidikan swasta adalah tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Ini adalah bertujuan untuk memastikan institusi pendidikan yang ingin ditubuhkan menepati keperluan dan standard yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Di samping itu ia akan memudahkan pihak kerajaan memantau perjalanan institusi pendidikan tersebut.

IPS ditubuhkan oleh pihak swasta seperti individu persendirian, kumpulan masyarakat, organisasi bukan kerajaan (NGO), persatuan dan juga pihak korporat



serta syarikat-syarikat. Pengoperasian IPS dibiayai sendiri atau sumbangan daripada masyarakat tanpa bantuan kewangan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan. Ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka di IPS akan dikenakan yuran pendaftaran, yuran bulanan, yuran tahunan dan yuran-yuran lain sebagai komitmen mereka terhadap institusi tersebut (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2015).

IPS ini boleh dibahagikan kepada dua aliran iaitu aliran agama dan aliran akademik. IPS aliran agama atau Institusi Pendidikan Islam Swasta (IPIS) biasanya dikenali dengan nama pondok, pondok moden, Sekolah Rendah Islam (SRI), Sekolah Menengah Islam (SMI), Maahad dan Sekolah Tahfiz bagi memudahkan perbezaan dengan kategori sekolah bantuan kerajaan seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) (Bahagian Pendidikan Swasta, KPM, 2015).

Kurikulum yang dilaksanakan di institusi ini adalah kurikulum agama atau tahfiz semata-mata atau gabungan antara kurikulum agama dengan kurikulum kementerian. Bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa kebangsaan atau bahasa Arab. IPS yang menggunakan kurikulum kementerian akan menduduki peperiksaan awam yang ditetapkan oleh pihak kementerian seperti Penilaian Tingkatan Tiga (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Kewujudan IPIS berlaku sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Ia bermula dengan kelas al-Qur'an di rumah, surau atau masjid. Kemudian apabila mendapat perhatian daripada masyarakat, ia beralih kepada sistem pondok, madrasah atau sekolah Arab sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, sekolah agama atau sekolah Arab ini telah diserahkan

kepada pentadbiran kerajaan sedikit demi sedikit (Mohd Zaki Daud, Azizi Umar & Mohd Syuja' Maidin, 2014).

Penyerahan pentadbiran sekolah ini dilakukan melalui program pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Ia bertujuan untuk membantu dan memperkasakan sekolah-sekolah agama di Malaysia dengan mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran, pengurusan sumber manusia dan prasarana serta kemudahan (KPM, 2015).

Menurut kajian Mohd Zaki Daud, Azizi Umar & Mohd Syuja' Maidin (2014) terdapat lima faktor penting penubuhan IPIS iaitu pertama, terdapat dualisme<sup>4</sup> dalam sistem pendidikan sedia ada; kedua, kelemahan sistem pendidikan yang melahirkan individu yang tidak seimbang antara keperluan dunia dan kepentingan akhirat; ketiga, kesedaran para pendokong gerakan Islam dalam membina satu sistem pendidikan yang saling melengkapi ke arah kebaikan dunia dan akhirat; keempat, pelaksanaan aktiviti dakwah dan kerohanian yang dilakukan dengan autoriti dan kuasa penuh oleh pihak pentadbiran sekolah dan yang kelima keperluan sistem pendidikan yang lengkap dalam memenuhi permintaan ibu bapa yang bimbang terhadap anak-anak mereka dengan arus pemodenan.

Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang perlu dilalui oleh pengurusan pentadbiran IPIS ini. Antara cabarannya ialah pentadbiran dan pembiayaan adalah

---

4 Dualisme dalam pendidikan berlaku apabila sistem pendidikan agama berkembang secara terpisah dengan sistem pendidikan moden yang diperkenalkan oleh penjajah (Noor Hisham Md Nawi, 2015).

bersifat *decentralized* atau tidak berpusat dan hanya ditadbir oleh lembaga pengurusan sekolah masing-masing (Ramli Basri, 2009). Kesannya akan berlaku ketidakselarasan dari sudut pengurusan dan pentadbiran, sumber kewangan, profesionalisme guru-guru dan staf sokongan, kurikulum, buku teks, pentaksiran dan penilaian, kemudahan infrastruktur serta kemenjadian pelajar. Oleh itu dengan berkembang pesatnya IPIS ini maka perlu wujud satu badan organisasi yang mampu menyelaraskan dan menyeragamkan sistem perjalanan IPIS itu. Pihak kementerian pula hanya mengawal selia dari sudut pendaftaran penubuhan dan memantau kualiti pelaksanaan sistem pendidikan di sekolah tersebut (Ramli Basri, 2009). Di samping itu, pihak kementerian juga perlu memastikan IPIS yang ditubuhkan mematuhi syarat minimum penubuhan IPIS terutama yang berkaitan dengan faktor keselamatan. Faktor ini menjadi perbincangan dalam masyarakat terutamanya pihak kerajaan sejak berlakunya kebakaran di beberapa buah institusi pendidikan Islam antaranya seperti di Pusat Tahfiz Darul Quran *Ittafiqiyah*, Dato' Keramat, Kuala Lumpur dan Pusat Tahfiz Al-Barakah, Sungai Petani, Kedah (Sinar Harian, 2017).

Kedua, IPS aliran akademik pula dikenali sebagai sekolah swasta, sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa. Kurikulum IPS aliran akademik ini, menggunakan kurikulum mengikut keperluan sekolah tersebut. Sebagai contoh sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa boleh menggunakan kurikulum negara luar serta menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar (KPM, 2015).

Berdasarkan perbincangan di atas, menunjukkan pihak kerajaan dan swasta menggembleng tenaga untuk memastikan setiap rakyat mendapat pendidikan dan bersedia untuk memajukan diri, agama, bangsa dan negara. Oleh kerana terdapat

pelbagai jenis institusi pendidikan di negara ini terutamanya di peringkat pendidikan menengah seperti Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi, Sekolah Menengah Kluster Kecemerlangan, Sekolah Menengah Sains, Maktab Rendah Sains Mara, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Menengah Agama Negeri, Sekolah Sukan Malaysia, Sekolah Seni Malaysia, Sekolah Menengah Agama Swasta (SMAS) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR). Maka ibu bapa perlu bijak dalam membuat pemilihan untuk penerusan pembelajaran anak-anak. Hal ini berikutan cabaran utama ibu bapa adalah untuk membentuk akhlak, disiplin dan agama anak-anak (Kamarul Azmi Jasmi, 2011).

Jadual 1.2 menunjukkan bilangan sekolah dan enrolmen pelajar di institusi pendidikan menengah iaitu Sekolah Menengah Kerajaan (SMK) atau Bantuan Kerajaan (BK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SMABK), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Swasta (SMAS) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) bagi tahun 2014–2016. Jadual 1.3 pula menunjukkan peratus penambahan atau pengurangan bilangan sekolah dan enrolmen pelajar di sekolah-sekolah tersebut.

**Jadual 1.2: Bilangan Sekolah dan Enrolmen Pelajar di Institusi Pendidikan Menengah bagi Tahun 2014 – 2016**

	Bilangan Sekolah			Enrolmen Pelajar		
	2014	2015	2016	2014	2015	2016
<b>SMK / BK</b>	2,375	2,397	2,407	2,257,712	2,181,840	2,175,967
<b>SMKA</b>	57	57	57	38,095	37,316	37,048
<b>SMABK</b>	168	181	181	62,837	66,637	67,230
<b>SMAN</b>	80	71	71	35,051	35,092	30,942
<b>SMAS</b>	30	31	31	9,479	9,950	10,051
<b>SMAR</b>	85	88	86	24,682	25,159	25,307

(Sumber: Perangkaan Pendidikan Malaysia 2014 – 2016)

**Jadual 1.3: Peratus Penambahan atau Pengurangan Bilangan Sekolah dan Enrolmen Pelajar di Sekolah Menengah bagi Tahun 2015 – 2016**

	Bilangan Sekolah		Enrolmen Pelajar	
	2015 (%)	2016 (%)	2015 (%)	2016 (%)
<b>SMK / BK</b>	0.9	0.9	(3.5)	(0.3)
<b>SMKA</b>	-	-	(2.1)	(0.7)
<b>SMABK</b>	1.7	-	5.7	0.9
<b>SMAN</b>	(12.6)	-	0.1	(13.4)
<b>SMAS</b>	3.2	-	4.7	1.0
<b>SMAR</b>	3.4	(2.3)	1.9	0.6

(Sumber: Diubah suai daripada Jadual 1.2)

Berdasarkan Jadual 1.3, menunjukkan bahawa terdapat penambahan bilangan sekolah di SMK dan BK iaitu 22 buah (0.9 %) pada tahun 2015 dan 2016. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama pula kekal dengan jumlah 57 buah sekolah. Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan pula bertambah 13 buah (1.7 %) pada tahun 2015 dan kekal pada tahun 2016. Bilangan Sekolah Menengah Agama Negeri pula berkurang 9 buah (12.6 %) pada tahun 2015 dan kekal pada tahun 2016. Sekolah Menengah Agama Swasta pula bertambah sebuah sekolah (3.2 %) pada tahun 2015 dan kekal pada tahun berikutnya. Sekolah Menengah Agama Rakyat, pada tahun 2015 bertambah 3 buah (3.4 %) dan berkurang 2 buah (2.3 %) pada tahun 2016.

Enrolmen pelajar di SMK atau BK berkurang 3.5 peratus pada tahun 2015 dan berkurang 0.3 peratus pada tahun 2016. SMKA pula enrolmen pelajar berkurang 2.1 peratus dan 0.7 peratus pada tahun 2015 dan 2016. Bagi SMABK pula enrolmen pelajar bertambah 5.7 peratus pada tahun 2015 dan 0.9 peratus pada tahun 2016. Bagi SMAN pula bertambah 0.1 peratus pada tahun 2015 dan berkurang 13.4 peratus pada tahun 2016. SMAS bertambah bilangan pelajarinya iaitu pada tahun 2015 berlaku penambahan sebanyak 4.7 peratus dan 1 peratus pada tahun 2016. Bagi SMAR pula bertambah 1.9 peratus pada tahun 2015 dan 0.6 peratus pada tahun 2016. Penambahan peratus bilangan pelajar di SMABK, SMAS dan SMAR

menggambarkan sambutan terhadap institusi pendidikan agama adalah tinggi. Ini mungkin kerana ibu bapa yakin akhlak, disiplin dan agama anak-anak dapat ditingkatkan di sekolah-sekolah tersebut. Walau bagaimanapun bilangan sekolah agama yang terdapat di Malaysia adalah terhad (Jadual 1.2) iaitu hanya 426 buah berbanding dengan sekolah menengah 2,407 (tahun 2016). Hanya mereka yang layak sahaja diterima untuk mendaftarkan diri di sekolah-sekolah agama tersebut.

**Jadual 1.4: Purata Sebuah Sekolah dengan Enrolmen Pelajar di Sekolah Menengah bagi Tahun 2016**

	Bil Sekolah	Enrolmen Pelajar	Purata
	2016	2016	
<b>SMK / BK</b>	<b>2,407</b>	<b>2,175,967</b>	<b>904</b>
<b>SMKA</b>	57	37,048	650
<b>SMABK</b>	181	67,230	371
<b>SMAN</b>	71	30,942	436
<b>SMAS</b>	31	10,051	324
<b>SMAR</b>	86	25,307	294
<b>JUMLAH SMA</b>	<b>426</b>	<b>170,578</b>	<b>400</b>

(Sumber: Diubah suai dari Jadual 1.2)

Jadual 1.4 menunjukkan, purata sebuah sekolah dengan bilangan pelajar yang berdaftar di sekolah menengah kebangsaan atau bantuan kerajaan ialah 904 orang manakala purata sebuah sekolah dengan bilangan pelajar di sekolah-sekolah menengah agama pada tahun 2016 ialah 400 orang. Perbezaan antara nisbah sebuah sekolah agama dengan sekolah kerajaan hanya 504 orang dan penambahan jumlah pelajar iaitu 0.9 peratus di SMABK, 1 peratus di SMAS dan 0.6 peratus di SMAR pada tahun 2016 walaupun tiada penambahan bilangan sekolah malah berkurangan di SMAR, ini menunjukkan terdapat peningkatan sambutan enrolmen ke sekolah agama. Ibu bapa mempunyai pelbagai pilihan untuk menghantar anak-anak mereka ke institusi pendidikan yang mampu membina potensi anak-anak sama ada di sekolah

kerajaan atau sekolah swasta. Pemilihan terhadap institusi pendidikan ini adalah bergantung kepada hasrat yang diinginkan oleh ibu bapa. Antara pilihan ibu bapa ialah SMAS. Jadual 1.4 menggambarkan bahawa purata sebuah sekolah swasta berbanding dengan enrolmen pelajar yang berdaftar ialah seramai 324 orang pelajar. Data ini menunjukkan bahawa walaupun jumlah sekolah menengah agama swasta terhad tetapi ia juga menjadi pilihan kepada ibu bapa untuk pendidikan anak-anak.

Oleh kerana terdapat pelbagai jenis institusi pendidikan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan dan swasta maka ibu bapa perlulah membuat keputusan yang terbaik untuk memilih institusi pendidikan terutamanya Institusi Pendidikan Islam (IPI).

#### **1.2.4 Profil Institusi Pendidikan IKRAM MUSLEH**

Terdapat pelbagai organisasi bukan kerajaan (NGO), syarikat atau individu yang mengendalikan institusi pendidikan Islam swasta di Malaysia, antaranya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Himpunan Lulusan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN), Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), Pertubuhan IKRAM Malaysia dan lain-lain.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih institusi pendidikan Islam swasta IKRAM-MUSLEH sebagai fokus kajian. Untuk mencapai tujuan dan objektif kajian, penjelasan berkaitan pemilihan institusi pendidikan ini adalah amat diperlukan. Dalam sub topik ini akan membincangkan perkara yang berkaitan institusi pendidikan Islam Swasta IKRAM-MUSLEH. Pengkaji juga akan menjelaskan justifikasi pemilihan Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta (IPMIS) IKRAM-MUSLEH di Bab 3.

Kewujudan institusi pendidikan IKRAM MUSLEH ini bermula pada tahun 1985, iaitu apabila sekumpulan ibu bapa telah berbincang untuk melaksanakan sistem pendidikan Islam yang holistik dan bersepadu dan menubuhkan sebuah pra sekolah berdasarkan prinsip tersebut. Sistem pendidikan ini kemudiannya terus berkembang menjadi sistem pendidikan Islam di peringkat rendah dan menengah. Sistem pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu ini adalah berdasarkan kepada konsep *'aqīdat al-tawhīd*, iaitu dengan mengambil pendekatan pendidikan berasaskan tauhid. Pada tahun 2000, MUSLEH (juga dikenali sebagai Pusat Pendidikan SRI-SMI Berhad) telah ditubuhkan untuk meningkatkan kerjasama, penyelarasan dan perkongsian pelbagai sumber dalam kalangan SRI-SMI. Ia berhasrat untuk lima tujuan bersama iaitu pertama; memperkasakan sistem pendidikan Islam berdasarkan al-Qu'ran dan As-Sunnah, kedua; mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam kurikulum dengan pendekatan pedagogi terkini dan kemudahan teknologi berpandukan konsep *'aqīdat al-tawhīd*, ketiga; melaksanakan sistem penilaian pelajar yang holistik, di mana pembangunan pelajar ini dinilai secara berterusan, keempat; mempertingkatkan tahap profesionalisme guru di Sekolah Rendah Islam (SRI) dan Sekolah Menengah Islam (SMI) supaya mereka bukan sahaja mahir dalam aspek pedagogi tetapi juga “murabbi” dan boleh dicontohi dalam cara hidup mereka dan kelima; menjadi sebuah organisasi yang kompeten dalam membangunkan Sistem Pendidikan Islam (Pendidikan IKRAM MUSLEH, 2016).

Kini, terdapat 30 buah SRI (Jadual 1.5) dan 14 buah SMI (Jadual 1.6) di seluruh negara kecuali di Sabah. IKRAM MUSLEH berpegang teguh kepada prinsip bahawa pendekatan ke arah pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu perlu dilaksanakan



untuk melahirkan potensi sebenar pelajar sebagai manusia yang dicipta oleh Allah SWT.

**Jadual 1.5: Sekolah Rendah Islam bawah kelolaan IKRAM MUSLEH**

<b>BIL</b>	<b>NAMA SEKOLAH</b>
1	Sekolah Rendah al-Azhar, Arau, Perlis
2	Sekolah Rendah al-Azhar, Jitra, Kedah
3	Sekolah Rendah al-Islah, Sungai Petani, Kedah
4	Sekolah Rendah al-Islah, Kulim, Kedah
5	Sekolah Rendah al-Ikram, Tasek Gelugor, Pulau Pinang
6	Sekolah Rendah al-Itqan, Teluk Kumbar, Pulau Pinang
7	Sekolah Rendah al-Furqan, Kuala Kangsar, Perak
8	Sekolah Rendah al-Hidayah, Ipoh, Perak
9	Sekolah Rendah al-Hidayah, Sri Iskandar, Perak
10	Sekolah Rendah al-Amin, Gombak, Selangor
11	Sekolah Rendah al-Amin, Keramat, Kuala Lumpur
12	Sekolah Rendah al-Amin, Wangsa Maju, Selangor
13	Sekolah Rendah al-Amin, Bangi, Selangor
14	Sekolah Rendah al-Amin, Cheras Selatan, Selangor
15	Sekolah Rendah Hira, Kelang, Selangor
16	Sekolah Rendah Intergrasi al-Furqan, Shah Alam, Selangor
16	Sekolah Rendah al-Amin, Nilai, Negeri Sembilan
17	Sekolah Rendah al-Saidiyah, Seremban, Negeri Sembilan
18	Sekolah Rendah i-MUSLEH, Bukit Katil, Melaka
19	Sekolah Rendah Hidayah, Johor Baharu, Johor
20	Sekolah Rendah Hidayah, Batu Pahat, Johor
21	Sekolah Rendah al-Irsyad, Paya Besar, Kuantan, Pahang
22	Sekolah Rendah al-Amin, Kemaman, Terengganu
23	Sekolah Rendah al-Amin, Kerteh, Terengganu
24	Sekolah Rendah al-Amin, Dungun, Terengganu
25	Sekolah Rendah al-Amin, Kuala Terengganu, Terengganu
26	Sekolah Rendah Aman, Kota Bahru, Kelantan
27	Sekolah Rendah Aman, Wakaf Baru, Kelantan
28	Sekolah Rendah Aman, Machang, Kelantan
29	Sekolah Rendah al-Amin, Kuching, Sarawak
30	Sekolah Rendah al-Amin, Miri, Sarawak

(Sumber: Laman web IKRAM MUSLEH, 2016 )

**Jadual 1.6: Sekolah Menengah Islam bawah kelolaan IKRAM MUSLEH**

<b>BIL</b>	<b>NAMA SEKOLAH</b>
1.	Sekolah Menengah al-Azhar, Jitra, Kedah
2.	Sekolah Menengah al-Islah, Sungai Petani, Kedah
3.	Sekolah Menengah al-Ikram, Tasek Gelugor, Pulau Pinang
4.	Sekolah Menengah al-Itqan, Teluk Kumbar, Pulau Pinang
5.	Sekolah Menengah al-Hidayah, Ipoh, Perak
6.	Sekolah Menengah Hira, Jeram, Kuala Selangor
7.	Sekolah Menengah al-Amin, Gombak, Selangor
8,	Sekolah Menengah al-Amin, Bangi, Selangor

9. Sekolah Menengah al-Furqan, Shah Alam, Selangor
10. Sekolah Menengah al-Amin Bestari, Merlimau, Melaka
11. Sekolah Menengah Tahfiz as-Saidiyah, Seremban, Negeri Sembilan
12. Sekolah Menengah Hidayah, Johor Baharu, Johor
13. Sekolah Menengah al-Amin, Kemaman, Terengganu
14. Sekolah Menengah Aman, Binjai, Kelantan

---

(Sumber: Laman web IKRAM MUSLEH, 2016)

IKRAM MUSLEH didaftarkan di bawah Pendaftaran Syarikat dengan nombor pendaftaran 513402-W. Ia adalah sebuah Syarikat Berhad yang tidak mensasarkan keuntungan dalam usaha-usaha yang dipelopori olehnya. Pada tahun 2012, 14,458 pelajar yang telah berdaftar di SRI-SMI, iaitu seramai 10,640 pelajar di SRI dan 3,818 pelajar di SMI. Jumlah guru (juga dikenali sebagai murabbi/muallim) ialah seramai 1,129 orang, iaitu seramai 743 guru di SRI dan 386 guru di SMI. Semua lembaga pengelola SRI SMI diberi autonomi untuk mengurus dan mentadbir sekolah masing-masing.

IKRAM MUSLEH dikawalselia oleh Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM). IKRAM MUSLEH berharap konsep dan falsafah pendidikan Islam ini akan memberi kesan terhadap pendidikan arus perdana di masa akan datang. Untuk memastikan perjalanan IKRAM MUSLEH ini bertepatan dengan hasrat dan tujuan penubuhan, maka pihak pentadbiran IKRAM MUSLEH telah menetapkan beberapa dasar, falsafah dan visi sebagai panduan.

Dasar penubuhan IKRAM MUSLEH adalah untuk mewujudkan kerjasama, penyelarasan dan perkongsian wawasan dan sumber dalam kalangan SRI-SMI, terutamanya dalam bidang Bina Minda (kurikulum), Bina Syakhshiah (ko-kurikulum) dan Pembangunan Kakitangan. Di samping dasar penubuhan, untuk memastikan

pihak IKRAM MUSLEH mempunyai falsafah yang jelas hala tuju penubuhannya maka falsafah pendidikan yang diperjuangkan oleh IKRAM MUSLEH ialah pendidikan adalah suatu proses yang berteraskan tauhid bagi membina insan *rabbani* dalam sistem yang holistik, bersepadu, seimbang dan dinamik berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah. Usaha ini adalah bagi membentuk individu yang berkemampuan membangunkan kehidupan diri, keluarga, masyarakat dan negara ke arah satu peradaban yang sejahtera demi kebahagiaan di dunia dan akhirat. Visi IKRAM MUSLEH ialah memperkasa sistem pendidikan Islam di peringkat rendah dan menengah untuk menjana generasi *rabbani* melalui pendidikan holistik dan pengurusan profesional.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan perbincangan di atas, iaitu faktor pertumbuhan IPIS, cabaran yang perlu dihadapi oleh pengurusan dan pentadbiran IPIS serta bilangan sekolah dan enrolmen pelajar di sekolah menengah agama swasta sebagai subjek kajian, penyelidik mendapati empat isu utama kajian terhadap Institusi Pendidikan Menengah Islam Swasta (IPMIS) ini perlu dilakukan.

Pertama, perkembangan fahaman sekularisme dan dualisme dalam sistem pendidikan merupakan isu yang menjadi perbincangan sejak kedatangan penjajah Barat hingga kini. Faham sekular berlaku dengan cara memisahkan agama daripada kegiatan pendidikan, menafikan ajaran agama sebagai teras pendidikan dan menyadurkan agama dalam skop yang sempit. Maka akan lahir insan yang taat beribadah di masjid atau surau pada waktu malam dan menyebarkan teori-teori Barat di sekolah

atau bilik-bilik kuliah pada waktu siang. Faham dualisme dalam pendidikan pula bermaksud wujudnya dua sistem pendidikan yang berkembang serentak tetapi terpisah antara satu sama lain dan tidak bertemu diujung. Satu sistem memberi penekanan kepada ilmu aqli sehingga mengabaikan ilmu naqli ataupun menawarkan ilmu naqli sekadarnya dengan tidak menjadikan ilmu naqli sebagai teras kepada ilmu aqli tersebut. Dan satu sistem lagi memfokuskan hanya kepada ilmu-ilmu naqli dan mengabaikan ilmu aqli. Atas dasar itu, ibu bapa haruslah mempunyai pengetahuan dan kefahaman terhadap hasrat pemilihan sesebuah institusi pendidikan. Adakah sesebuah institusi pendidikan itu menjalankan sistem pendidikan bersepadu<sup>5</sup> yang akan berusaha untuk kecemerlangan di dunia dan kecemerlangan hidup di akhirat?

Kedua, ibu bapa mempunyai pilihan untuk menghantar anak-anak mereka ke institusi-institusi pendidikan menengah Islam yang diurus tadbir oleh pihak kerajaan seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) atau Sekolah Menengah Kebangsaan Aliran Agama kerana kemudahan infrastruktur di sekolah-sekolah tersebut jauh lebih baik dan lengkap. Di samping itu, tenaga pengajar adalah terdiri daripada guru-guru terlatih yang mendapat pendidikan profesional secara formal. Kurikulum pula telah disediakan oleh pihak kementerian.

Berbanding pula dengan institusi pendidikan yang diurus tadbir oleh pihak swasta selain daripada mengguna kurikulum kementerian, pihak institusi juga perlu menyediakan kurikulum tambahan untuk menampung kekurangan yang terdapat

---

5 Sistem pendidikan bersepadu bermaksud pendidikan yang bersumberkan al-Qur'an dan hadith (ilmu agama) di samping adanya integrasi disiplin ilmu akal (ilmu kemanusiaan dan ilmu sains *tabii*) ke arah membina komuniti ummah yang berteraskan '*aqīdat*' (Tajul Ariffin Nordin & Abdul Raof Dalip, 1986).

pada kurikulum kerajaan terutamanya yang berkaitan pendidikan Islam. Ini bermakna anak-anak terpaksa mengikuti dua kurikulum dalam satu masa iaitu kurikulum kebangsaan dan kurikulum agama. Terdapat IPIS yang tidak lengkap keperluan infrastruktur seperti kelas, bengkel, makmal, kemudahan sukan dan lain-lain lagi. Tenaga pengajar pula tidak mendapat pendidikan profesional sebagai seorang guru dan hanya diberi pendedahan berkaitan ilmu pendidikan melalui kursus-kursus dalaman yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Di samping itu terdapat juga ibu bapa yang menghantar anak mereka ke IPIS, adalah dalam kalangan guru-guru sekolah kerajaan bahkan bukan hanya menghantar seorang sahaja daripada anak mereka tetapi anak-anak mereka yang lain turut dihantar ke IPIS tersebut. Adakah ini menunjukkan bahawa ibu bapa yakin terhadap sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh IPIS bukan hanya dapat melahirkan anak-anak yang cemerlang di dunia malahan kehidupan yang bahagia di akhirat dan berpuas hati terhadap budaya yang terdapat di institusi pendidikan Islam swasta?

Ketiga, sumber kewangan di institusi pendidikan kerajaan adalah diperuntukkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada 7 September 2007, semasa pembentangan bajet 2008, pihak kerajaan telah mengumumkan pendidikan percuma<sup>6</sup> untuk sekolah rendah dan sekolah menengah. Oleh itu, ibu bapa tidak perlu membayar yuran tahunan dan bulanan. Semua aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah tidak dikenakan sebarang yuran tambahan. Berbeza pula dengan IPIS. IPIS tidak mendapat peruntukan kewangan daripada pihak kerajaan. Segala perbelanjaan operasi institusi seperti pembayaran gaji staf akademik dan staf sokongan,

---

6 Teks ucapan bajet 2008, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia, YAB Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi.